

**NO. SOALAN : 366**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) mengapa Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV) memilih menerima semula Pensijilan Prinsip dan Kriteria (P&C) Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) di mana FGV telah menarik diri secara sukarela semua pensijilan P&C RSPO pada Mei 2016 ; dan
- (b) persediaan FGV dalam menyambut kejatuhan saham dunia secara global serta pelan kemunculan ekonomi untuk FELDA dan peneroka.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 3 Mei 2016, FGV telah mengambil keputusan untuk menarik diri secara sukarela daripada Pensijilan Prinsip dan Kriteria (P&C) Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) terhadap 58 kilang miliknya di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, FGV kekal sebagai ahli RSPO yang melaksanakan perniagaan berpandukan asas-asas kelestarian. Tujuan penarikan diri secara sukarela berkenaan adalah untuk menyusun semula rantai nilai dan memastikan pensijilan yang lebih jelas bagi membezakan antara ladang yang diuruskan secara komersial oleh FGV dan ladang milik peneroka.

Pensijilan RSPO sebelum ini diterima menerusi Kumpulan FELDA dan permohonan semula RSPO yang baharu akan menggunakan nama FGV sebagai entiti perniagaan komersial.

FGV telah mengeluarkan kenyataan pada tahun lalu bahawa lapan (8) daripada 69 buah kilangnya telah memperoleh semula pensijilan RSPO. Manakala pada tahun ini pula, 20 buah lagi bersedia untuk diaudit bagi pensijilan berkenaan. FGV menyasarkan kesemua kilangnya memperoleh pensijilan RSPO menjelang tahun 2021.

Berkenaan persediaan FGV berdepan kejatuhan saham dunia, isu kejatuhan pasaran saham dunia adalah di luar kawalan mana-mana

148

syarikat senaraian awam. Namun, berdasarkan Pelan Strategik 2020 (SP20) yang memberi penekanan kepada penambahbaikan perniagaan teras dan pengukuhan kedudukan kewangan yang diperkenalkan, FGV yakin mampu kekal kukuh berdepan situasi global berkenaan.

Sekian. Terima kasih.